

Yi Ting baharui dua rekod

Ungguli acara 100m kuak dada,
400m rampaian individu



SUKAN UNIVERSITI ASEAN KE-16
VIENTIANE LAOS 2012

BUKAN saja meraih pingat emas, Siow Yi Ting (*gambar*) cemerlang membuka tirai acara renang AUG di Pusat Akuatik Kompleks Sukan Nasional Vientiane, semalam dengan memperbaharui dua rekod temasya.


Yi Ting mencatat 1 minit 01.89 saat dalam acara 100

meter kuak dada wanita sekali gus memperbaharui rekod temasya, 1.17.53s.

Pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat itu meraih pingat emas menewaskan perenang Indonesia, Margareta Kretapradni (1:14.56s), perak dan Chontida Onnim (1:17.83s), gangsa.

Kemudian Yi Ting sekali lagi mencuri tumpuan apabila turut mengungguli 400m rampaian individu dengan catatan 4:57.30s, jauh memperbaharui rekod temasya, 5:22.17s.

Dia meninggalkan Ressa Kania Dewi dari Indonesia (5:06.17s), perak dan Filipina, Ma Claire Adorna (5:16.42s), gangsa.



Selain Yi Ting, Olimpian negara, Khoo Cai Lin tidak kurang hebat mencatat 2:17.43s acara 200m kuak kupu-kupu dengan turut mengatasi rekod AUG sebelumnya 2:28.15s.

Cai Lin menewaskan rakan senegara, Hii Siew Siew (2:19.64s) dan perenang Indonesia, Kathriana Mella Gustianjani (2:27.59s).

“Meskipun berjaya memperbaharui rekod baru AUG, saya tetap tidak berpuas hati

kerana gagal memperbaiki masa terbaik 2.14s di Terbuka Malaysia dua tahun lalu.

“Apapun saya tetap gembira kerana tidak meletakkan sasaran meraih emas di Laos,” katanya yang turut meraih emas acara 1,500m gaya bebas wanita.

Selain Yi Ting dan Cai Lin, Chan Kah Yan bersama Kevin Yeap turut meraih emas masing-masing acara 50m kuak lentang dan 1,500m gaya bebas lelaki.